

Headline	Laluan selesa Selangor, JDT		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	24 May 2016	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	279,000
Page No	56	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	168 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,866
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,597



Penyandang juara, Selangor diundi dalam Kumpulan B bersama Kelantan, Pahang dan Kuala Lumpur.

Laluan selesa Selangor, JDT

PENYANDANGjuara, Selangor dan juara Piala FA, Johor Darul Ta'zim (JDT) berdepan laluan selesa dalam pemburuan kejuraan Piala Malaysia musim ini selepas diundi dalam kumpulan mudah.

Selangor juara 33 kali diundi dalam Kumpulan B bersama Kelantan, Pahang FC dan Kuala Lumpur sementara JDT pula diundi dalam Kumpulan C bersama Polis DiRaja Malaysia

(PDRM), Perak dan naib juara Piala FA, PKNS FC

Naib juara lalu, Kedah pula diundi dalam Kumpulan A bersama Terengganu FC II, Sarawak dan Johor Darul Ta'zim II (JDT II).

Felda United pula dijangka berdepan laluan sukar apabila diundi dalam Kumpulan D bersama Terengganu, Melaka dan Negeri Sembilan

Piala Malaysia 2016

KUMPULAN A	KUMPULAN C
Terengganu FC II	JDT
Kedah	PDRM
Sarawak	Perak
JDT II	PKNS

KUMPULAN B	KUMPULAN D
Selangor	Felda United
Kelantan	Terengganu
Pahang	Melaka
Kuala Lumpur	Negeri Sembilan

Headline	Naik taraf Pasar Awam Banting berperingkat		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	24 May 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	38	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	173 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,951
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,853



Naik taraf Pasar Awam Banting berperingkat

BANTING - Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) dalam usaha mentransformasikan Pasar Awam Banting menjadi sebuah pasar awam yang lebih kondusif secara berperingkat.

Pegawai Komunikasi Korporat MDKL, Nurfadhilah Jalaludin berkata, seramai 100 kakitangan MDKL turun padang menyertai aktiviti gotong-royong di pasar awam berkenaan dengan melakukan kerja pembersihan di setiap kawasan bagi mencapai

matlamat persekitaran yang kemas dan bersih.

Pihaknya juga mengenal pasti petak perniagaan yang kosong bagi memberi peluang kepada peniaga lain untuk membuat permohonan bermula.

"Bila datang, kami nampak petak yang sebenarnya tiada pemilik telah diletakkan pelbagai jenis barang milik peniaga sedia ada dan sebahagiannya adalah barang milik peniaga lama.

"Jadi, pembersihan kali ini memberi peluang kepada peniaga baharu untuk melihat kekosongan yang ada selain melihat kawasan perniagaan mereka lebih teratur," katanya pada Program Gotong-Royong Pembersihan Pasar Awam Banting, baru-baru ini.

Menurutnya, pelbagai barang yang rosak dan tidak mengikut peraturan ditetapkan juga disita.

Beliau berkata, kawasan Pasar Awam Banting pernah dinobatkan sebagai Zon Bersih pada 2012 sekali gus mengharapkan keadaan itu dapat diulangi.

"Kami sudah hantar notis kepada peniaga memaklumkan program ini, jadi ia seharusnya diambil perhatian.

"Bagaimanapun, penyertaan peniaga masih lagi rendah namun program jangka panjang gotong-royong ini bakal diadakan setiap masa untuk memupuk persekitaran yang bersih, teratur dan selamat," katanya.



Sebahagian kakitangan MDKL melakukan kerja pembersihan di Pasar Awam Banting.

Headline	Gesa PBT tangguh projek di kawasan berisiko banjir kilat		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	24 May 2016	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	10	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	71 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 699
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,097



Gesa PBT tangguh projek di kawasan berisiko banjir kilat

KUALA LUMPUR- Pihak berkuasa tempatan (PBT) di gesa menangguhkan projek pembangunan baharu di kawasan berisiko banjir kilat sehingga masalah diselesaikan.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Hamim Samuri berkata, pembangunan projek baharu di kawasan berkenaan hanya memburukkan keadaan apabila hujan lebat.

"Mengikut pemantauan JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran) banjir kilat di Lembah Klang berpunca daripada pembangunan tidak ambil kira teknikal ditetapkan.

"Antaranya sistem perparitan tidak mematuhi garis panduan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA)," katanya ketika menggulung perbahasan usul khas memohon Kerajaan Persekutuan menangani dan mempercepatkan pelaksanaan pelan mitigasi banjir di Parlimen Klang, semalam.

Usul dikemukakan Anggota Parlimen Klang Charles Anthony Santiago diluluskan di bawah Peraturan Mesyuarat 18 untuk dibahaskan di Kamar Khas, Dewan Rakyat.

Usul itu menarik perhatian beberapa anggota Parlimen yang lain antaranya **G.Manivannan (PKR-Kapar)** dan **Zuraida Kamaruddin (PKR-Ampang)** yang mendadangkan audit dilakukan oleh JPS. - *Bernama*

Headline	Pembangkang tak matang		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	24 May 2016	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	3	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	87 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 857
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,570



Pembangkang tak matang

SHAH ALAM - Pergolakan dalaman Pakatan Harapan yang berebut kerusi dengan Pas pada PRK Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar membuktikan sikap kepimpinan dan politik mereka masih belum matang

Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Irmohizam Ibrahim berkata, pergeseran parti pembangkang itu jelas menunjukkan kesepakatan mereka semakin terhakis, kerana kepentingan politik dan peribadi pihak tertentu sahaja.

"Pas dilihat menjadi mangsa keadaan apabila ditekan Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali yang mahu kata dua daripada Pas, sama ada menyerahkan kerusi Parlimen Sungai Besar atau terus keluar dari Pakatan Harapan.

"Pakatan Harapan hanya yakin bahawa setiap tomahan fitnah yang ditaburkan pasti akan membuatkan rakyat termakan, sedangkan mereka sendiri asyik berebut untuk mengukuhkan kedudukan parti sendiri," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Irmohizam juga berkata, sikap pemimpin Pakatan Harapan khususnya Parti Amanah Negara (Amanah) yang berterusan memberi amaran kepada Pas supaya tidak meletakkan calonnya mencerminkan mereka semakin kalut dengan keupayaan sendiri.

"Amanah mempertikaikan keputusan Pas kerana khawatir akan kalah sedangkan mereka seolah-olah hanya ingin membuktikan bahawa Amanah lebih relevan dan menerima banyak sokongan," katanya.



Penganalisis politik berpendapat parti itu kini dalam dilema untuk bekerjasama antara Pas, Parti Amanah Negara dan DAP

PKR TERSEPI

4

Azmin jelas bimbang jika Pas tetap letakkan calon dan pada masa sama, Pakatan Harapan juga bertanding. Secara tidak langsung, ia menunjukkan pertembungan politik sesama mereka. - Pensyarah Kanan Hal Ehwal Politik dan Antarabangsa Universiti Utara Malaysia (UUM), Md Shukri Shuib

“ Pas nak buktikan yang mereka boleh bersendirian, manakala Pakatan Harapan pula ingin menunjukkan kesepaduan mereka," - Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Antarabangsa UUM, Prof Madya Dr Mohd Fuad Othman

PKR kini dalam dilema

SHAH ALAM - PKR kini dilihat tersepit antara kerjasama dalam Pakatan Harapan dan Pas.

Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Madya Dr Mohd Fuad Othman berkata, ini kerana PRK Parlimen Sungai Besar mempunyai kerusi yang majoritinya Melayu dan masing-masing ingin membina dan mendapatkan sokongan menjelang PRU14.

"Pas nak buktikan yang mereka boleh bersendirian, manakala Pakatan Harapan pula ingin menunjukkan kesepaduan mereka.

"Oleh kerana Pas tiada dalam Pakatan Harapan, maka PKR atau Parti Amanah Negara (Amanah) nak bertanding di kerusi Parlimen Sungai Besar," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian*.



Menurutnya, tindakan pendirian untuk berbincang dengan semua wakil parti perbangkang boleh menyebabkan kemenangan berpihak kepada BN kerana kekeliruan pengundi.

"Pastinya penyokong perbangkang akan keliru dan ini akan beri kelebihan kepada BN untukkekalkan kerusi tu."

"Ia akan jadi polemik hingga PRU14 nanti sekiranya Pakatan Harapan dan Pas tidak sepakat menghadapi BN," katanya.

Beliau berkata, Pas di-

tahankan pendirian untuk bertanding kerana menganggap kerusi tersebut milik mereka secara tradisi.

"Sebelum ni pun Pas kalah bawah 400 undi. Mungkin Pas rasa peluang mereka lebih cerah berbanding parti perbangkang lain," katanya.

Pensyarah Kanan Hal Ehwal Politik dan Antarabangsa UUM, Md Shukri Shuib berkata, Azmin jelas menunjukkan keimbangan sekiranya Pas tetap mempertahankan pendirian.

"Azmin jelas bimbang jika Pas tetap meletakkan calon dan pada masa sama, Pakatan Harapan juga bertanding.

Secara tidak langsung, ia menunjukkan pertembungan politik sesama mereka.

"Pas kini menjadi penentu utama 'pasaran borong undi' politik ke atas PKR dan DAP serta berperanan menentukan kemenangan Pakatan Harapan. Pakatan Harapan tanpa Pas akan kehilangan banyak peluang merebut kerusi Melayu," katanya.

Menurutnya, Pas dan DAP memberi pengaruh besar dan Azmin akan hilang kerusi sebagai menteri besar jika Pas atau DAP bertindak menarik balik kerjasama dengan PKR di Selangor.

"Kerajaan Azmin berada

pada tahap 'red alert' kerana sebarang keputusan yang salah bukan sahaja menjelaskan PKR, tapi menjadi penyebab beliau hilang kerusi menteri besar," katanya.

Beliau berkata, Sungai Besar mampu mencipta fenomena politik baharu di Selangor dan membawa kesan negatif besar kepada PKR jika Pas bertembung dengan Pakatan Harapan nanti.

"Tiga 'pemborong besar' politik Selangor iaitu PKR, Pas mahu pun DAP dilihat sedang pincang teruk dan peluang ini harus digunakan BN bagi mengekalkan kerusi mereka," katanya.



MOHD FUAD



MD SHUKRI



24 May 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 4 • Printed Size: 121.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 1,191.38
PR value: MYR 3,574.14 • Item ID: MY0026095898

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahsorong@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Cubaan sabotaj: Azmin mangsa keadaan

SHAH ALAM – Penganalisis politik tidak menafikan kemungkinan wujudnya unsur sabotaj terhadap kepimpinan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali pada PRK Parlimen Sungai Besar, 18 Jun ini.

Pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Madya Datuk Dr Samsu Adabi Mamat berkata, pada ketika ini, musuh-musuh Azmin akan mengambil kesempatan ke atas beliau dengan cuba memperkecilkan kredibiliti dan kepimpinannya di Selangor, terutama sebagai menteri besar dan Timbalan Presiden PKR.

Katanya, apa yang berlaku adalah rentetan pelbagai isu yang melanda parti pembangkang bermula dengan kegagalan mendamaikan DAP dan Pas sehingga berkuburnya Pakatan Rakyat (PR).

"Ini cabaran buat Azmin dalam mengurus tadbir negeri termasuk menentukan kedudukan Pas di Selangor. Kerana itu Pas masih berthaluf siyasi dengan PKR walaupun sudah keluar dari PR.

"Dalam situasi ini, PKR cuba bertindak sebagai orang tengah mendamaikan DAP dan Pas, namun gagal. Bahannya seolah-olah di-

pikul Azmin menyebabkan beliau tersepit, walaupun kesalahan sebenar berpunca dari pada DAP," katanya.

Tambah Samsu, terkini, isu membabitkan pertembungan calon Pakatan Harapan pada PRN Sarawak dan warkah dari penjara tulisan Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menampakkan sekali lagi kesalahan berpunca daripada Azmin.

Katanya, pada PRN Sarawak (isu pertembungan calon) parti pembangkang tidak menuding jari ke atas presiden PKR mahu-pun DAP, sebaliknya pada Azmin. Seolah-olah Azmin yang berkuasa menentukan siapa calon yang harus bertanding.

"Manakala, surat Anwar ditulis berdasarkan responsnya terhadap situasi yang berlaku dalam Pakatan Harapan terutama penyertaan pemimpin tertinggi dan sokongan kepada Deklarasi Rakyat.

"Pada Anwar bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad itu cuba menumpang gelombang Pakatan Harapan dan ia tidak sepautnya berlaku. Kemerluat ini sekali lagi menampakkan Azmin sebagai mangsa keadaan," katanya.



Mat Sabu antara calon Sungai Besar

NIZAM ZAIN

KUALA LUMPUR - Parti Amanah Negara (Amanah) semalam mengesahkan bawahan presidennya, Mohamad Sabu antara nama yang disenarai pendek sebagai calon parti itu pada PRK Parlimen Sungai Besar, pada 18 Jun ini.

Pengarah Strateginya, Khalid Abdul Samad berkata, selain Mohamad, Timbalan Presiden Amanah, Salahuddin Ayub serta bekas Menteri Besar Perak, Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin turut dicalonkan bertanding di kerusi yang diperangi BN itu.

Beliau berkata, ketiga-tiga nama pemimpin Amanah itu juga telah mendapat 'restu' dan dipersetujui oleh DAP Selangor.

Bagaimanapun, Khalid berkata, pemilihan calon itu hanya akan di-

muktamadkan selepas pihaknya membuat tinjauan terhadap pengundi di Parlimen Sungai Besar.

"Iya..Mat Sabu antara nama calon (Amanah), selain dia, kita juga namakan Salahuddin dan Nizar.

"Tetapi kita belum putuskan lagi sebab kita masih lagi buat tinjauan (berkaitan calon) di Sungai Besar," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen, semalam.

Sementara itu, Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali bagaimanapun enggan mengulas lanjut tindakan Amanah itu yang mendahului keputusan Majlis Presiden Pakatan Harapan.

Bagaimanapun Azmin menegaskan, segala keputusan muktamad hanya boleh ditentukan dalam mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan.

"Kita akan bincang dalam Majlis Presiden," katanya.

Dalam pada itu, Khalid yang juga Ahli Parlimen Shah Alam menggesa PKR supaya menerima kenyataan bahawa rundingan bagi dua kerusi itu dengan Pas menemui jalan buntu untuk menentukan pertandingan satu lawan satu.

"Amanah mengesyorkan PKR memberi tumpuan untuk mengukuhkan cabaran Pakatan Harapan di dua kerusi tersebut. Sudah cukup masa dan usaha ditumpukan kepada perundingan dengan Pas.

"Kami mengharapkan mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan disegerakan untuk memutuskan parti mana yang akan mewakili Pakatan Harapan dalam kedua-dua PRK tersebut," tegasnya.

Khalid berkata, PKR dijangka sukar menentang Pas dalam PRK kali ini dan Amanah bersedia mewakili Pakatan Harapan untuk bertanding di kerusi tradisi parti Islam itu.

"PRK ini dilihat sebagai peluang keemasan untuk membuktikan bahawa Amanah mempunyai sokongan dan daya tarik di kalangan masyarakat Melayu khususnya.

"Kesedian Amanah untuk berhadapan dengan Pas di dua kerusi tersebut juga diketahui umum. Sekiranya Pas menarik diri, maka ia akan dilihat sebagai bukti bahawa Pas takut berhadapan dengan Amanah," katanya.



KHALID



Bantah pembinaan kolumbarium

Penduduk Taman Bukit Lipat Kajang hantar memorandum kepada MPK, bimbang laluan kediaman sesak

■ NOR AZIHAN MD GHAZALI

KLANG – Penduduk Taman Bukit Lipat Kajang, Kota Alam Shah mendesak Majlis Perbandaran Klang (MPK) membatalkan pembinaan pusat upacara peringatan dan kolumbarium (tempat letak abu mayat) di atas lot 1092 (GM11840) yang dilihat bakal mengganggu ketenteraman awam penduduk.

Berikutan itu, penduduk menghantar satu memorandum kepada MPK diwakili Setiausaha, Adi Faizal Ahmad Tarmizi di lobi, semalam meminta agar pembinaan pusat itu tidak diteruskan.

Penduduk yang juga paderi, Moses Jayaselan, 54, berkata, penduduk bertindak membuat bantahan kerana bimbang kerja-kerja pembinaan akan dilaksanakan.

"Sebab itu kami serahkan surat bantahan ini, sebelum ini pada 9 Mei lalu, kita dah serahkan surat bantahan kepada Yang Dipertua MPK, tapi tiada maklum balas."

"Disebabkan itu, dua hari kemudinya iaitu pada 11 Mei, kita buat bantahan agar pihak majlis meng-

halang pembinaan pusat itu yang tidak membawa sebarang kebaikan kepada penduduk," katanya.

Menurutnya, pembinaan pusat itu tidak seharusnya dilakukan berdekatan dengan kediaman penduduk.

"Kesan pembinaan pusat itu pula akan menimbulkan kesesakan lalu lintas bila berlaku upacara kematian hingga parkir penduduk terganggu," katanya.

Penduduk, Meor Yusof Meor Zakaria, 54, berkata, penduduk tidak bersetuju dengan pembinaan pusat itu yang akan mengganggu kehidupan penduduk seperti asap, lalu lintas dan sebagainya.

"Kami mahukan suasana tenang, banyak lagi lokasi lain yang boleh bina pusat itu."

"Masa mereka berniat nak buat pusat itu, mereka tidak pula datang berbincang dengan penduduk, ini yang paling kami kesalkan," kata-nya yang tinggal di situ sejak lapan tahun lalu.

Wakil penduduk, Khairul Shah Abdullah berkata, sebelum me-

masang papan tanda berhubung pembinaan projek itu, Jabatan Perancang Bandar dan Desa harus meneliti Seksyen 21, Akta 172 terlebih dahulu.

"Tidak sepatutnya bina kolumbarium dekat dengan perumahan, tempat perniagaan, stesen minyak dan pusat jagaan rumah orang-orang tua yang beroperasi di situ," katanya.

Sementara itu, Adi Faizal berkata, pembinaannya masih di peringkat perancangan oleh pemaju dan belum sampai ke pihak majlis.

"Proses yang perlu dilalui masih panjang dan kita belum ada sebarang keputusan khusus berkenaan pembinaan pusat itu."

"Bahkan keputusan kerajaan negeri juga belum ada, mereka kena serahkan kebenaran merancang terlebih dahulu sebelum cadangan itu diproses," katanya.

Menurutnya, majlis terlebih dahulu akan meneliti semua bantahan dan cadangan yang dimajukan orang ramai demi kebaikan semua pihak.



Penduduk mendesak MPK membatalkan cadangan pembinaan kolumbarium di kawasan kediaman mereka.



Fungsi lapang sasar dipelbagai

Bakal dibuka kepada organisasi berminat jalankan latihan menembak, tingkat kemahiran guna senjata

JERAM – Lapang Sasar Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Selangor diperluaskan dan dibersihkan bagi membolehkan latihan menembak menggunakan senjata lebih besar dapat dilaksanakan pada masa depan.

Ketua Polis Daerah Kuala Selangor, Superintendant Ruslan Abdullah berkata, kawasan Lapang Sasar IPD Kuala Selangor seluas 2.4 hektar itu juga akan dilengkapkan dengan prasarana lebih baik secara berperingkat bukan sahaja untuk kegunaan latihan anggota polis tetapi juga organisasi berkaitan yang berminat.

"Fungsi lapang sasar ini akan dipelbagaikan dan dibuka kepada organisasi berminat untuk menjalankan latihan menembak bagi meningkatkan kemahiran menggunakan senjata.

"Bila lapang sasar ini diperluaskan, latihan menembak menggunakan senjata yang lebih besar seperti shot gun dan rifle MP5 boleh diadakan, berbanding hanya pistol sebelum ini," katanya selepas merasmikan Program Go Green di Lapang Sasar IPD Kuala Selangor yang dihadiri hampir 100 peserta, termasuk wakil Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Kuala Selangor, Kelab 4X4 Setia Jaya, 4X4 Alam Jaya dan 4X4 Kuala Selangor.

Ruslan berkata, inisiatif pelaksanaan program murni ini bagi menyahut saranan dan tanda sokongan IPD Kuala Selangor terhadap kempen Go Green PDRM sejak dikenalkan pada 2012 lagi.

Menurutnya, pelaksana-

an program ini bertujuan mewujudkan persekitaran kerja yang indah, bersih dan selesa sekali gus dapat menaikkan imej PDRM.

"Kita mengadakan program Go Green dengan aktiviti membersihkan kawasan lapang sasar dan menanam pokok sebagai tanda kita prihatin dalam usaha pemeliharaan serta pemuliharaan alam sekitar.

"Sebanyak 50 pokok buah-buah tempatan seperti pokok harumanis, ciku, longan, kedondong, jambu madu, jambu batu dan mata kucing hasil sumbangan setiap bahagian di IPD Kuala Selangor, balai polis dan kelab pacuan empat roda yang terlibat dalam program ini, ditanam di sekeliling kawasan lapang sasar," katanya.



Ruslan (tengah) merakam kenangan sebelum aktiviti gotong-royong membersihkan Lapang Sasar IPD Kuala Selangor.



24 May 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 43 • Printed Size: 119.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 2,029.87
PR value: MYR 6,089.61 • Item ID: MY0026096113

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Nurul Nabihah juara APM 2016

NURUL Nabihah Ahmad, 21, diumumkan Juara Pentas Akhir Akademi Pendakwah Muslimat (APM) 2016 dan berjaya membawa pulang pakej umrah, naskhah al-Quran, wang tunai, piala dan sijil.

Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) dalam satu kenyataan berkata, program itu berjaya menggilap pelapis pendakwah Muslimah berkualiti.

"Program tersebut memberi peluang kepada peserta membina keyakinan melalui perkongsian pengalaman daripada tokoh pendakwah wanita berpengalaman.

"Mereka dapat memahami cabaran dakwah masa kini dan mempersiapkan diri dengan kemahiran sebagai seorang dai Muslimah ber-



Nurul Nabihah ketika diumumkan sebagai juara APM 2016.

wibawa," katanya.

Menurutnya, program yang mendapat kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan RTM ini menampilkan lima finalis yang be-

rentap ke peringkat akhir.

"Empat lagi ialah Azizah Ahmad, 33, Nurul Ainie Nawawi, 20, Ummi Kalsum Mat Lazim 24, dan Nur Aqidah Mawardi, 26," katanya.



24 May 2016

Sinar Harian, Malaysia

Author: NOR AZIHAN MD GHAZALI & AHMAD ISMADI ISMAIL • Section: Nasional
Page: 36 • Printed Size: 693.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color
Ad Value: MYR 11,820.98 • PR value: MYR 35,462.94 • Item ID: MY0026096012

PEJABAT SETIAUSAHA KERASIAHAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 2, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM 7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 Email: sektahsong@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 3



■ NOR AZIHAN MD GHAZALI &
AHMAD ISMADI ISMAIL

SHAH ALAM - Angin dan ribut kuat melanda kawasan Taman Alam Megah, Seksyen 27 semalam menyebabkan sebuah restoran mamak di Jalan Kapar 27/89 di sini rosak teruk dihempap pokok besar.

Dalam kejadian sekitar jam 3.40 petang itu, empat kenderaan pelbagai jenama turut mengalami kerosakan akibat dihempap pokok besar yang tumbang berdekatan Apartmen Sri Angkasa.

Bagaimanapun, dalam kejadian itu, tiada kematangan jiwa dilaporkan berlaku.

Tinjauan *Sinar Harian* di beberapa lokasi di situ turut mendapati, terdapat banyak pokok tumbang dan dahan patah di sepanjang Jalan Kapar 27/89 bahkan angin kuat turut merangkap beberapa bumbung rumah penduduk di sekitar Kampung Lanchong.

Menceritakan kejadian itu, penjaga sebuah restoran, Shahabuddin Mohd Daud, 26, berkata, angin kuat disertai ribut melanda kawasan restoran.

"Ketika itu terdapat hampir 10 pelanggan tengah minum dan makan di bahagian hadapan restoran.

"Angin yang semakin kuat dengan

bunyi yang menakutkan menyebabkan kesemua pelanggan mlarikan diri ke dalam restoran, kami semua dalam ketakutan," katanya ketika diinterview di lokasi restorannya, lewat petang semalam.

Dia berkata, kesemua pelanggan bernasib baik apabila kurang dua minit mereka berlari masuk ke kedai, secara tiba-tiba pokok sebesar tiga pemeluk dewasa yang berada bersebelah restoran, tumbang.

"Dalam masa sama, ia hampap bumbung dan bahagian hadapan ke dai dalam sekelip mata.

"Memang terkejut sangat sebab kejadian berlaku depan mata... tapi kami semua bersyukur sebab ia tak hermpap kami walaupun bahagian hadapan restoran rosak teruk," katanya.

Kereta alami kerosakan

Dalam kejadian itu juga, dahan pokok berkenaan turut menimpa kereta Toyota Innova yang di parkir di hadapan pemilik restoran berkenaan, Ahmad Yahyah Abdul Ghafur.

Ahmad Yahyah berkata, bahagian hadapan keretanya mengalami sedikit

kerosakan.

"Tapi restoran saya yang beroperasi sudah 10 tahun ini mengalami kerosakan yang teruk menyebabkan saya rugi hampir RM30,000 mengambil kira pelbagai peralatan seperti meja, kerusi, makanan, bumbung, pa pan tanda dan lain-lain yang rosak.

"Kejadian ini pertama kali berlaku, dan apa yang saya kesalkan sudah banyak kali aduan saya buat pada pihak berkuasa tempatan (PBT) agar memotong dahan pokok yang sudah uzur ini tapi masih tiada tindakan," katanya.

Menurutnya, pihak berkuasa harus peka dengan perkara ini kerana di kawasan ini terlalu banyak pokok uzur yang tidak dicantas dan ditebang yang pada bila-bila masa sahaja boleh tumbang.

Banyak pokok besar uzur

Ahli Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) Zon 10 Dun Seri Muda, Rozaina Hamzah berkata, berikut an kejadian itu, pihaknya akan maklumkan perkara itu kepada MBSA untuk kerja pemotongan pokok dan kerja pembersihan pokok yang tumbang.

"Diakui kawasan ini terlalu banyak



24 May 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: | NOR AZIHAN MD GHAZALI & AHMAD ISMADI ISMAIL • Section: Nasional
Page: 36 • Printed Size: 693.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color
Ad Value: MYR 11,820.98 • PR value: MYR 35,462.94 • Item ID: MY0026096012

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAHAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahtohongor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 3

pokok besar yang uzur yang perlu diberi perhatian.

"Saya akan ketengahkan isu ini kepada MBSA agar kejadian seumpama ini tidak lagi berulang," katanya.

Pondok pengawal terbang

Sementara itu di Seksyen 13 di sini, sebuah pondok pengawal diterbangkan angin kencang dalam kejadian ribut, petang semalam.

Penduduk, Rozie Yahya berkata,

hujan berserta angin kencang berlaku kira-kira jam 4.30 petang.

"Angin bertuip kencang itu menerbangkan sebuah pondok pengawal ke dalam longkang, nasib baik tak ada pengawal di dalam itu," katanya.

Kejadian itu juga katanya, menyebabkan pokok tumbang di kawasan sekitar.

"Ada pokok tumbang menghempap kereta. Pihak MBSA dah

buat kerja pembersihan pokok tumbang di sekitar kawasan perumahan kami," katanya.

Sementara itu, Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor turut menerima aduan berhubung kejadian ribut di beberapa lokasi.

Timbalan Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Mohd Sani Harul berkata, pihaknya ada menerima aduan berkaitan kes pokok tumbang di Seksyen 13 dan 27.



Rozaina melihat keadaan pokok yang tumbang.



Beginilah keadaan dua daripada empat kereta yang dihempap pokok ketika angin dan ribut, semalam.



24 May 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: | NOR AZIHAN MD GHAZALI & AHMAD ISMADI ISMAIL • Section: Nasional
Page: 36 • Printed Size: 693.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color
Ad Value: MYR 11,820.98 • PR value: MYR 35,462.94 • Item ID: MY0026096012

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: setakohongor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 3 of 3



Pondok pengawal diterbangkan angin kencang, semalam.



24 May 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 43 • Printed Size: 136.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 2,319.85
PR value: MYR 6,959.55 • Item ID: MY0026096114

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BERSAMAAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektaohongor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

MBSA anjur kempen Go Green sempena Ramadan

MAJLIS pelancaran Kempen Masjid dan Surau Lestari (Go Green) diadakan di Masjid Tengku Ampuan Jemaah, Bukit Jelutong, baru-baru ini.

Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dalam satu kenyataan berkata, pelancaran kempen dibuat pihaknya bagi memupuk amalan kitar semula sisa buangan bahan dapur dan sisa makanan kepada bahan yang lebih berfaedah kalangan penduduk Shah Alam khususnya jawatan kuasa masjid dan surau sepanjang Ramadan.

"Selain itu, ia menggalakkan pengurangan penggunaan bekas makanan polistirena serta bahan yang tidak mesra alam.

"Fokus diberi kepada tujuh teras iaitu menerapkan amalan

3R (Reduce, Reuse dan Recycle), kesedaran tentang penjimatkan penggunaan air, penjimatkan elektrik, amalan Eco-5S, membantu memelihara alam sekitar, bertukar kepada ECO Menu@menu sihat dan mengamalkan gaya hidup lestari," katanya.

Menurut kenyataan itu lagi, peserta turut diberi sesi demonstrasi dan dibawa melawat ke kawasan yang mengamalkan amalan kitar semula sisa buangan bahan dapur dan sisa makanan.

"Diharapkan kempen ini dijadikan amalan berterusan, bukan sahaja sepanjang Ramadhan," katanya.

Kempen dilancarkan Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad.



Pemberian cenderahati kepada wakil masjid dan surau Daerah Petaling oleh Ahmad Zaharin (dua, kiri).

Headline	Rafizi, lima lagi gagal batal tuduhan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	24 May 2016	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	6	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	117 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,525
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,574



Rafizi, lima lagi gagal batal tuduhan

KUALA LUMPUR 23 Mei - Kes terhadap Naib Presiden PKR, Rafizi Ramli dan lima lagi berhubung penganjuran Blackout 505 dan berhimpun di tempat larangan akan diteruskan selepas Mahkamah Tinggi di sini hari ini menolak permohonan mereka untuk membatalkan pertuduhan tersebut.

Hakim Amelia Tee Hong Geok Abdullah memutuskan demikian selepas mendapat pertuduhan terhadap kesemua pemohon itu tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan.

Beliau turut memerintahkan agar kes itu disebut semula di Mahkamah Sesyen pada 21 Jun ini.

Selain Rafizi, pemohon lain terdiri daripada sekretariat PKR, Muhammad Adib Ishar, 27 dan empat aktivis pembangkang iaitu Adam Adli Abd. Halim, 28, Muhammad Safuan Anang @ Talib, 27, Ekhsan Bukharee Badarul Hisham, 25, serta Mohamed Bukhari Mohamed Sufian, 26.

Kesemua mereka diwakili peguam, Melissa Sasidaran

manakala pendakwaan yang dinamakan sebagai responden dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Nurul Huda Mohd. Nor.

Pada 24 Julai 2013, Rafizi dan Muhammad Adib didakwa menganjurkan perhimpunan tanpa mematuhi syarat Ketua Polis Dang Wangi, Asisten Komisioner Zainuddin Ahmad iaitu memperoleh persetujuan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk menggunakan Padang Merbok.

Bagi pertuduhan pilihan, sebagai pengajur mereka didakwa gagal menyertakan salinan persetujuan DBKL bertarikh 12 Jun 2013, 10 hari sebelum perhimpunan diadakan kepada Zainuddin.

Didakwa sebagai Orang Kena Saman (OKS), kedua-dua lelaki terbabit dituduh melakukan perbuatan tersebut di Padang Merbok, Jalan Parlimen di sini antara pukul 2 dan 6 petang, 22 Jun 2013 mengikut Seksyen 15(3) Akta Perhimpunan Aman 2012 yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM10,000.



DAP tidak sokong Pas dalam dua PRK

KUALA LUMPUR 23 Mei - DAP tidak akan berbincang dan tidak menyokong Pas dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Kuala Kangsar, Perak dan Sungai Besar, Selangor.

Malah, Setiausaha Agung DAP yang belum disahkan jawatan, Lim Guan Eng berkata, pihaknya langsung tidak berbincang dengan parti itu mengenai dua PRK tersebut.

"Kami hanya menyokong calon-calon daripada pakatan harapan," katanya kepada pembeza di lobi Parlimen hari ini.

Pengaruh DAP berdasarkan jumlah pengundi Cina dalam kedua-dua kawasan itu bukan kecil.

Malah, salah satu Dewan Undangan Negeri dalam Sungai Besar iaitu Sekinchan dimenangi oleh DAP sebanyak dua kali pada Pilihan Raya Umum 2008 dan 2013.

Di Sekinchan, terdapat lebih

30 peratus pengundi daripada kaum Cina.

Terdahulu, Ketua Pembangkang, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail berkata, pakatan harapan terpaksa menangguhkan mesyuarat bagi menentukan calon-calon dua PRK pada hari ini kerana masih menunggu maklum balas daripada Pas.

Wan Azizah yang juga Presiden PKR berkata, hal ini penting bagi mengelakkan pertemuan tiga penjuru di kedua-dua PRK.

Sementara itu, Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali memberitahu, terdapat ruang untuk PKR dan pakatan harapan berunding dengan Pas bagi menentukan calon di kedua-dua PRK.

Katanya, semua pandangan akan dibentangkan dalam Majlis Presiden pakatan harapan.

"Saya pasti terdapat ruang untuk rundingan. Setakat ini, saya sudah berjumpa Timbalan Presiden Pas, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man, Ketua Pengarah Pilihan Raya Pas, Datuk Mustafa Ali serta Setiausaha Politik kepada Presiden Pas, Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar," ujarnya.

Pengarah Komunikasi PAN, Khalid Abdul Samad pula berkata, pihaknya bersedia menggantikan PKR untuk bertanding di kedua-dua PRK.

Menurut Khalid, sukar bagi PKR untuk bertanding menentang Pas pada dua PRK tersebut.

"Oleh itu, PAN bersedia untuk mewakili pakatan harapan dalam kedua-dua PRK ini dan berterima kasih kepada DAP Selangor atas sokongan terbuka untuk menerima calon PAN di Sungai Besar," katanya.



24 May 2016
Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Dlm Negeri • Page: 1,6 • Printed Size: 323.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 6,442.00
PR value: MYR 19,326.00 • Item ID: MY0026097184

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: setiausahaong@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 3

Rafizi dedah bukti rasuah hari ini

► Rafizi akan kemuka bukti berhubung dakwaan rasuah kerajaan Selangor kepada Presiden PKR, dalam mesyuarat parti hari ini.

► Jika diputuskan laporan perlu dibuat kepada SPRM, beliau akan berbuat demikian selepas berbincang dengan Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail.

SAYA akan serahkan apa sahaja yang dimiliki dan kemudiannya berbincang dengan Presiden PKR dan juga parti. Jika bersetuju membawa perkara ini ke SPRM, saya akan melakukannya.”

RAFIKI RAMLI
Setiausaha Agung PKR

Dakwaan bukti rasuah dalam kerajaan Selangor

Rafizi mahu serah bukti

Oleh **AZMAN IBRAHIM**
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 23 MEI

SETIAUSAHA Agung PKR, Rafizi Ramli akan mengemukakan semua bukti rasuah dalam pentadbiran kerajaan negeri Selangor termasuk habuan wanita dan wang kepada Ketua Pembangkang, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail.



Rafizi yang juga Ahli Parlimen Pandan berkata, beliau akan bertemu dengan Presiden PKR itu bagi membincangkan mengenai perkara berkenaan dalam satu mesyuarat esok.

Katanya, jika diputuskan laporan perlu dibuat kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), beliau akan berbuat demikian, selepas berbincang dengan Wan Azizah.

“Saya akan serahkan apa sahaja yang dimiliki dan kemudiannya berbincang dengan Presiden PKR dan juga parti.

“Kebiasaan itu akan dibawa ke peringkat Lembaga Disiplin PKR, bergantung kepada perbincangan dengan Wan Azizah. Jika bersetuju membawa perkara ini ke SPRM, saya akan melakukannya,”

katanya kepada pemberita di lobi Parlimen hari ini.

Pada 20 Mei lalu, Rafizi mengaku menulis mesej dalam aplikasi WhatsApp mengenai habuan wan-

ita dan wang jika mahu berurus dengan kerajaan negeri Selangor yang menjadi viral.

Ahli Parlimen Pandan itu turut mengakui ‘Kak Zu’ yang disebut dalam perbualan kumpulan WhatsApp Solidarity For Anwar adalah merujuk kepada Timbalan Pengerusi PKR Selangor, Zuraida Kamaruddin yang juga Ahli Parlimen Ampang.

Walau bagaimanapun, selepas dakwaan tersebut menjadi viral, Rafizi menafikan tuduhan itu ditujukan kepada mana-mana wakil rakyat pembangkang di Selangor,

sebaliknya mendakwa perbualannya merujuk kepada individu tertentu yang tidak dinamakan.



Kebiasaan itu akan dibawa ke peringkat Lembaga Disiplin PKR, bergantung kepada perbincangan dengan Wan Azizah. Jika bersetuju membawa perkara ini ke SPRM, saya akan melakukannya.”

RAFIZI RAMLI
Setiausaha Agung PKR



24 May 2016
Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Dlm Negeri • Page: 1,6 • Printed Size: 323.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 6,442.00
PR value: MYR 19,326.00 • Item ID: MY0026097184

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 2, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: setakohongor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 3 of 3





Langkah pertama Rafizi guling Azmin?

SHAH ALAM 23 Mei - Pendedahan Rafizi Ramli yang mendakwa berlaku amalan meminta 'wang dan wanita' sebagai habuan untuk beruruskan dengan kerajaan negeri dipercayai langkah pertama Setiausaha Agung PKR itu untuk menggulingkan Timbalan Presiden parti, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Menurut Timbalan Presiden Gagasan Solidariti Rakyat Selangor, Hanisyah Abdul Hamid, ini kerana Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar pada 18 Jun ini adalah peluang yang terbaik untuk menjatuhkan Mohamed Azmin yang juga Menteri Besar.

Menurutnya, umum mengetahui bahawa kedua-dua mereka tidak mampu bersemuka sejak kegagalan Langkah Kajang bagi melantik Presiden PKR, Datin Seri Dr. Wan Azizah

Wan Ismail sebagai menteri besar bagi mengantikan Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

"Segala penat lelahnya tidak tercapai, lain yang dikait lain pula yang gugur.

"Mohamed Azmin pula kini mula membina empayar dalam PKR dengan memberi imbuhan jawatan kepada para penyokongnya yang difikirkan mampu menterjemahkan dengan jumlah undi waktu pemilihan nanti.

"Pendedahan habuan perempuan itu lebih merupakan suatu amaran dan isyarat nyaring daripada kelompok Rafizi dalam PKR bahawa bibit-bibit pertempuran kem Kak Wan (Wan Azizah) dengan dibantu Rafizi, Saifuddin Nasution dan Nurul Izzah Anwar lawan kartel Mohamed Azmin sudah kelihatan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.



Rafizi sedia serah bukti sogokan wang, wanita

Kuala Lumpur: Setiausaha Agung PKR, Rafizi Ramli bersedia menyerahkan segala bukti berkaitan dakwaan sogokan wang dan wanita untuk berunding dengan kerajaan Selangor, kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) jika perlu.

Beliau yang juga Naib Presiden PKR, bagaimanapun berkata, bukti yang terkandung dalam perbualan aplikasi WhatsApp mengenai dakwaan itu akan diserahkan terlebih dahulu kepada Presiden parti, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Di luar konteks

“Keputusan sama ada dakwaan itu perlu dibawa ke SPM untuk siasatan lanjut akan ditentukan dalam mesyuarat Biro Politik parti, esok (hari ini). Saya akan serahkan semuanya (bukti dalam perbualan WhatsApp) kepada presiden.

“Jika beliau memutuskan isu ini perlu membabitkan SPRM, maka saya akur,” katanya ketika ditemui di lobi Parlimen, semalam.

Beberapa portal berita baru-baru ini mendedahkan perbualan aplikasi WhatsApp milik Rafizi berkaitan isu permintaan ‘untuk mendapatkan wanita’ sebagai habuan dalam urusan dengan kerajaan Selangor.

Ditentukan Presiden parti

Ahli Parlimen Pandan itu mendakwa perbualan berkenaan dilaporkan di luar konteks, sekali gus tidak menggambarkan situasi sebenar.

“Sebab itu kita akan bawa dalam mesyuarat Biro Politik PKR sebelum presiden tentukan mana perlu diselesaikan. Sekiranya kes ini perlu dibawa ke lembaga disiplin parti (terlebih dahulu), ia akan ditentukan oleh Kak Wan,” katanya.



24 May 2016
Berita Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 7 • Printed Size: 147.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 5,067.22
PR value: MYR 15,201.66 • Item ID: MY0026096327

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: setiausahaongov@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2



Keputusan
sama ada
dakwaan itu
perlu dibawa
ke SPRM untuk siasatan
lanjut akan ditentukan
dalam mesyuarat Biro Politik
parti, esok (hari ini). Saya
akan serahkan semuanya
(bukti dalam perbualan
WhatsApp) kepada presiden”

Rafizi Ramli,
Naib Presiden dan Setiausaha
Agung PKR



24 May 2016

Berita Harian, Malaysia

Author: NORASHIKIN LEMAN • Section: Nasional • Page: 15 • Printed Size: 638.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 21,992.41
PR value: MYR 65,977.23 • Item ID: MY0026096325

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax: 03-5513 5569
Email: sektaohongkor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

Tindakan tunda kenderaan 'degil'

➔ Pengajaran untuk pemilik kenderaan tak guna ruang parkir disediakan

Oleh Norashikin Leman dan Amanina Suhaini

bhnews@bh.com.my

■ Shah Alam

Sikap orang awam yang tidak memanfaatkan kawasan parkir disediakan, antara punca masalah parkir bertindih di bandar raya ini.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Shahrin Ahmad, berkata walaupun pelbagai tindakan diambil termasuk kompaun dan menunda kenderaan, orang awam masih berdegil dan menyalahkan pihak berkuasa tempatan kerana mengeluarkan kompaun kepada mereka.

"Penguat kuasa MBSA sering menjalankan pemantauan kesalan parkir di sekitar kawasan tumpuan ramai, terutama di Pusat Komersial Seksyen 7, sekitar kawasan pusat beli-belah di Seksyen 4 bagi mengelakkan kesesakan.

"Selain itu, kompaun dan aktiviti menunda kenderaan juga dijalankan jika pemilik kenderaan tidak mengalihkan kenderaan sehingga mengganggu kelancaran trafik.

Prihatin, elak tindakan

"Sehubungan itu, orang ramai diminta lebih prihatin dengan meletak kenderaan di petak letak kereta disediakan di kompleks sekitar kawasan berkenaan bagi mengelakkan dikenakan tindakan," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Penguat kuasa Majlis Perbandaran Klang (MPK), Andry Arman Masrom, berkata sistem tunda di praktikkan beberapa tahun lalu bagi mendidik orang awam meletakkan kenderaan di tempat letak kereta disediakan.

Katanya, MPK menerima banyak

aduan daripada pengguna akibat sikap tidak bertanggungjawab se-setengah individu meletakkan kenderaan sesuka hati terutama di Jalan Tengku Kelana dan Bandar Baru Klang.

"Penguatkuasaan yang kita lakukan ini (tunda) mengikut piaawaian ditetapkan, namun itu bukan tujuan utama kerana apa lebih penting ialah kesedaran pengguna," katanya.

Dalam perkembangan sama, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), A Rahim Nin, berkata bagi mengatasi masalah parkir secara bertindih berterusan, MBJB kini dalam perancangan mewujudkan satu kawasan meletak kenderaan di Persiaran Tun Sri Lanang, yang mampu menempatkan sehingga 300 kenderaan pada satu-satu masa.

Rondaan secara berkala

